KARYA ILHAM PUBLISHING
CONNECTING MINDS, BRIDGING IDEAS, INSPIRING READERS

Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index
ISSN: 2462-1951




# Kebebasan Mendapatkan Maklumat dari Sudut Maqasid Syariah

## *Freedom to Access Information from the Perspective of Maqasid Shariah*

Khairul Anuar Abdul Hadi[1,*], Che Hamdan Che Mohd Razali[2]

[1] Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Raub, 27600, Pahang, Malaysia
[2] Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Raub, 27600, Pahang, Malaysia

**ARTICLE INFO**

***Article history:***
Received 1 October 2026
Received in revised form 6 November 2026
Accepted 10 November 2026
Available online 16 November 2026

**ABSTRACT**

Penulisan ini mengkaji tentang kebebasan mendapatkan maklumat dari perspektif Maqasid Syariah. Kebebasan mendapatkan maklumat merupakan salah satu mekanisme pencegahan rasuah dan merupakan cara untuk memastikan tadbir urus yang baik. Di peringkat antarabangsa kebebasan mendapatkan maklumat telah diiktiraf sebagai satu bentuk hak asasi manusia dalam sesebuah negara demokrasi. Pada masa yang sama, beberapa instrumen undang - undang antarabangsa seperti United Nation Convention against Corruption (UNCAC) menggariskan bahawa kebebasan mendapatkan maklumat merupakan aspek yang penting dalam mempromosikan tadbir urus yang baik. Ini kerana kebebasan mendapatkan maklumat menjadikan penjawat awam lebih berhati-hati dalam membuat keputusan. Keputusan dibuat oleh penjawat awam boleh disemak dan dinilai oleh masyarakat awam dibawah konsep kebebasan mendapatkan maklumat dan seterusnya menjadi mekanisme semak dan imbang. Dalam konsep Maqasid Syariah, amalan integriti sebahagian dari konsep memelihara harta (hifz al -mal). Konsep ini secara keseluruhannya menolak amalan rasuah dan menganjurkan takbir urus yang baik bagi mereka yang mentadbir. Dengan menggunakan metodologi konseptual dengan menganalisis artikel, buku, kes -kes dan makalah, penulisan ini mendapati bahawa kebebasan mendapatkan maklumat menepati kehendak Maqasid Syariah terutamanya dari aspek mengukuhkan integriti dan tadbir urus yang baik bagi kesejahteraan masyarakat. Penulisan ini juga mencadangkan kerajaan supaya memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat di Malaysia supaya integriti dapat diperkukuhkan selaras dengan kehendak Maqasid Syariah.

*This paper examines freedom of information from the perspective of Maqasid Shariah. Freedom of information is one of the mechanisms for preventing corruption and a means to ensure good governance. Internationally, freedom of information has been recognized as a fundamental human right in a democratic nation. At the same time, several international legal instruments, such as the United Nations Convention against Corruption (UNCAC), highlight that freedom of information is a crucial aspect in promoting good governance. This is because freedom of information encourages public servants to be more prudent in decision-making. Decisions made by public servants can be reviewed and evaluated by the public under the concept of freedom of information, thereby serving as a system of checks and balances. Within the framework of Maqasid*

* *Corresponding author.*
*E-mail address: khairulanuarah@uitm.edu.my*

***Keywords:***

Hak asasi; integriti; kebebasan mendapatkan maklumat; Maqasid Syariah; tadbir urus

*Human rights; intergrity; freedom of information; Maqasid Syariah; governance*

*Shariah, the practice of integrity forms part of the concept of safeguarding wealth (hifz al-mal). Overall, this concept rejects corruption and promotes good governance among administrators. Utilizing a conceptual methodology by analyzing articles, books, legal cases, and academic papers, this paper finds that freedom of information aligns with the objectives of Maqasid Shariah, particularly in strengthening integrity and good governance for the well-being of society. This writing also suggests that the government introduce a Freedom of Information Act in Malaysia so that integrity can be strengthened in line with the requirements of Maqasid Shariah.*

## 1. Pendahuluan

Kerajaan Malaysia berhasrat untuk memperkenalkan Akta Kebebasan Mendapatkan Maklumat. Antara alasannya adalah untuk memajukan demokrasi dan pada masa yang sama meningkatkan integriti dan akauntabiliti penjawat awam. Pelbagai badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil menyambut baik hasrat kerajaan sebagai satu usaha ke hadapan dalam memajukan demokrasi serta menggalakkan keterlibatan masyarakat awam dalam proses membuat keputusan oleh pemerintah. Penggubalan akta ini merupakan salah satu perkara penting dalam agenda reformasi yang kini sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Kebebasan mendapatkan maklumat bukanlah perkara yang baru. Di Malaysia. dua kerajaan negeri iaitu Pulau Pinang dan Selangor telah menggubal enakmen yang berkaitan dengannya bagi membolehkan orang awam mendapatkan maklumat dari badan - badan dan institusi di bawah kerajaan negeri. Namun begitu, enakmen ini mempunyai batasan dan sekatan yang ketara dan hanya melibatkan institusi-institusi negeri dan tidak terpakai kepada institusi-institusi kerajaan persekutuan.

Di peringkat antarabangsa, hak mendapatkan maklumat telah terkandung dengan jelas dalam beberapa instrumen undang - undang antarabangsa dan yang paling ketara adalah peruntukan di dalam Universal Declaration of Human Rights (UDHR) dan United Nation Convention against Corruption (UNCAC). Pelbagai negara di dunia juga telah memperkenalkan akta yang membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat rasmi kerajaan. Sebagai contoh United Kingdom, Amerika Syarikat, Indonesia, Korea Selatan, Jepun dan Sweden telah lama mempunyai akta ini.

Pada prinsipnya, ada dua tujuan asas kebebasan mendapatkan maklumat iaitu memperkasakan demokrasi dan mengukuhkan akauntabiliti. Akauntabiliti merupakan istilah luas yang merangkumi tatakelola, integriti dan amanah. Ia adalah satu perkara yang amat penting dalam usaha membentuk sebuah pemerintahan yang adil dan saksama serta bagi tujuan memerangi rasuah secara menyeluruh. Dari sudut Maqasid Syariah, amanah dan tanggungjawab merupakan perkara yang dituntut dalam menjalankan pentadbiran dan pemerintahan. Menjaga harta dan hak orang lain dalam menjaga kesejahteraan rakyat merupakan tanggungjawab pemerintah. Oleh itu, kebebasan mendapatkan maklumat tidaklah asing dengan tujuan Maqasid Syariah iaitu bagi memastikan nilai-nilai amanah dilaksanakan dalam pemerintahan.

Penulisan ini bertujuan membincangkan latar belakang, konsep, tujuan dan kesan kebebasan mendapatkan maklumat dari segi pengukuhan nilai amanah serta sebagai alat antirasuah. Hubung kait di antara kebebasan ini dan konsep Maqasid Syariah juga dibincangkan dari aspek peningkatan nilai amanah dan integriti dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan.

## 2. Kajian Literatur

Kebebasan mendapatkan maklumat merupakan satu konsep yang memberikan hak kepada masyarakat awam mendapatkan maklumat rasmi dari pemerintah [22]. Ikhsan [14] menyatakan proses mendapatkan maklumat dari pihak kerajaan perlu dipermudahkan tanpa halangan yang tidak wajar. Kebebasan ini secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada konsep kerajaan terbuka iaitu menggalakkan penglibatan masyarakat didalam urusan dan keputusan kerajaan [26]. Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan secara umumnya memberikan kebebasan kepada warganegara untuk bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas akan kebebasan untuk mendapatkan maklumat, interpretasi undang - undang boleh dianggap merangkumi kebebasan tersebut.

Kerajaan yang tidak mengamal dasar terbuka dalam pentadbiran serta mengenakan sekatan kepada masyarakat awam untuk mendapatkan maklumat boleh memberikan risiko terhadap peningkatan kes rasuah. Herzfeld dan Weiss [13] menjelaskan bahawa golongan elit politik yang terkait rasuah boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk melemahkan keberkesanan sistem undang - undang bagi kepentingan peribadi. Kelemahan penguatkuasaan dan kurangnya tekad politik dalam melaksanakan secara berkesan undang-undang anti rasuah adalah antara punca peningkatan aktiviti rasuah [17]. Oleh yang demikian, keterbukaan kerajaan dalam urusan membuat keputusan terutamanya yang melibatkan kepentingan awam dapat mengurangkan risiko rasuah.

Kebebasan mendapatkan maklumat mempunyai upaya khusus sebagai alat bagi memerangi rasuah. Ini termasuk memberi ruang bagi pengukuhan ketelusan dalam pengurusan dan pentadbiran. Maklumat - maklumat yang boleh diperolehi termasuk maklumat institusi, organisasi, operasi, keputusan, perkhidmatan awam, subsidi, bajet, perolehan awam, penglibatan masyarakat awam, mesyuarat terbuka, senarai daftar, data, dan penerbitan [8]. Pada masa yang sama penilaian awam terhadap maklumat - maklumat milik kerajaan meningkatkan kebarangkalian penjawat awam untuk bertindak lebih jujur dan dengan penuh integriti [31]. Liambomba [21 menyatakan bahawa kebebasan mendapatkan maklumat menjadikan penjawat awam lebih bertanggungjawab atas keputusan yang telah dibuat dan memastikan masyarakat mempunyai pengetahuan akan keputusan tersebut.

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi. Rudiyansah and Rezki [30] menjelaskan bahawa wujud hubungan antara rasuah dan kadar pertumbuhan ekonomi. Beliau seterusnya menyatakan bahawa sesebuah negara yang mengalami tahap rasuah yang tinggi memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Dapatan ini juga telah diperjelaskan dalam kajian terdahulu oleh penyelidik seperti Mo, (2001) dan Lambsdorff [20]. Mereka juga mengenal pasti bahawa, rasuah bukan sahaja menjejaskan pertumbuhan ekonomi tetapi turut menyumbang kepada pelaburan yang rendah, ketidakstabilan politik, dan ketidakadilan sosial.

Konsep kerajaan sebagai ejen, bukannya prinsipal, dikaitkan dengan hujah bahawa kerajaan berkewajipan untuk melindungi kepentingan rakyat [4]. Konsep hubungan ejen dan prinsipal merupakan huraian yang ideal mengenai hubungan antara kerajaan yang memerintah dengan rakyat. Bagi menarik persamaan antara kebebasan mendapatkan maklumat dan teori ejen- prinsipal, maklumat yang dipegang oleh pihak berkuasa awam adalah milik rakyat. Oleh itu, kerajaan berkewajipan untuk menerbitkan dan mendedahkan maklumat atas permintaan sekiranya maklumat tersebut tergolong dalam kategori kepentingan awam. Kegagalan kerajaan untuk bertindak mengikut permintaan daripada anggota masyarakat boleh dianggap sebagai satu pecah amanah.

Dalam sebuah negara demokrasi, hubungan antara kerajaan dan rakyat merupakan salah satu perkara yang penting atas dasar komitmen kerajaan untuk melindungi kepentingan rakyat dan

sebagai balasan rakyat akan memberikan ketaatan terhadap keputusan kerajaan [12]. itu, konsep ideal bagi kerajaan demokrasi ialah kerajaan perwakilan yang berkesan. Dibawah konsep ini kerajaan dijangka dilantik melalui pilihan raya bebas dan adil. Oleh itu, rakyat yang memilih wakil mereka perlulah mempunyai maklumat dan pengetahuan yang mencukupi di dalam membuat keputusan dan pilihan di dalam sesuatu pilihanraya [5].

Kehadiran undang-undang kebebasan mendapatkan maklumat itu sendiri bertindak sebagai pencegah terhadap potensi berlakunya rasuah. Ini kerana pegawai awam yang terlibat dalam tingkah laku sedemikian menyedari kemungkinan perlakuan tersebut terbongkar dan boleh mengundang kepada tindakan undang-undang [34]. Pegawai awam, setelah melihat bahawa aktiviti, tingkah laku, keputusan, dan transaksi kewangan mereka boleh dipantau oleh orang awam, media, dan badan pemantau, mereka akan lebih berhati - hati dalam membuat keputusan.

Pertembungan yang paling jelas dalam melaksanakan kebebasan mendapatkan maklumat adalah kerahsiaan. Setiap negara di dunia mempunyai undang-undang kerahsiaan yang bertujuan menjaga keselamatan dan kepentingan awam. Sebagai contoh di Malaysia, Akta Rahsia Rasmi adalah undang - undang utama bagi melindungi maklumat rasmi kerajaan. Bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan undang-undang kebebasan mendapatkan maklumat adalah amat penting kerajaan mengkaji semula undang - undang yang menyekat kebebasan tersebut terutamanya Akta Rahsia Rasmi [16]. Pada masa yang sama adalah amat penting melaksanakan reformasi undang-undang terutamanya dalam menentukan parameter sekatan undang-undang dan mentakrifkan kembali maksud keselamatan negara bagi mengelakkan ianya disalahguna untuk menyekat kebebasan [25].

Namun begitu, kebebasan mendapatkan maklumat bukanlah bersifat mutlak. Cabaran utama adalah dalam menentukan maklumat mana yang boleh didedahkan atau sebaliknya. Alasan utama yang melayakkan sesuatu dokumen itu tidak didedahkan kepada masyarakat adalah kerana keselamatan dan kepentingan negara. Terma keselamatan negara mempunyai erti yang luas dan sukar ditafsirkan secara terperinci, serta sukar untuk menentukan parameter yang jelas [7]. Disebabkan keselamatan negara boleh ditafsirkan secara terbuka, amatlah sukar untuk mengenal pasti kekangan dan batasan kebebasan mendapatkan maklumat. Selain itu, sekatan yang dikenakan oleh Akta Rahsia Rasmi adalah amat luas dan tidak bersifat fleksibel terutamanya berkaitan dengan kuasa budi bicara kerajaan dan liabiliti menyebabkan Akta Kebebasan Mendapatkan Maklumat sukar dilaksanakan sekiranya Akta Rahsia Rasmi tidak dipinda [15].

Terdapat juga hujah yang menyatakan bahawa konsep kebebasan sukar dilaksanakan sepenuhnya dengan berkesan. Istilah kebebasan yang termaktub di dalam instrumen undang-undang antarabangsa selalunya bersifat Eurocentric iaitu kerangka dan intipatinya hanya bersandarkan nilai Barat dan tidak dari sudut pandang masyarakat Timur dalam perkara tertentu [10]. Sudah tentu, takrifan yang berbeza mendatangkan tentangan daripada negara-negara Timur kerana perbezaan ini memberi kesan terhadap nilai-nilai hidup dan budaya masyarakat tempatan.

Dalam perspektif Maqasid Syariah, gejala rasuah perlu diperangi kerana ianya membawa kemudaratan kepada masyarakat dan negara. Ab Rahman *et al*., [2] berhujah bahawa nilai - nilai Maqasid Syariah perlu diterapkan kepada masyarakat agar rasuah dapat diperangi. Ini termasuk menitik beratkan dalam aspek memastikan sumber pendapatan yang halal, penekanan kepada keadilan pentadbiran, tadbir urus yang cekap dan amanah. Selain itu, pembentukan sahsiah rohani dan penghayatan akan nilai-nilai intergriti secara menyeluruh merupakan benteng terpenting untuk membasmi rasuah dan memulihkan kepercayaan masyarakat terhadap pemerintah [1].

## 3. Metodologi Kajian

Penulisan ini adalah berdasarkan kajian kualitatif. Ini termasuk merujuk kepada sumber sekunder seperti penulisan dalam artikel, buku, berita, akta, serta instrumen undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan kebebasan mendapatkan maklumat, Maqasid Syariah, dan isu-isu yang berkaitan dengan rasuah. Carian literatur telah dijalankan melalui carian berasaskan web, iaitu Google Scholar bertujuan mencari artikel yang berkaitan dengan isu rasuah, kebebasan mendapatkan maklumat dan Maqasid Syariah. Bagi tujuan itu kata kunci yang digunakan adalah 'Corruption', 'Freedom of Information' dan Maqasid Syariah. Malayan Law Journal / LexisNexis digunakan bagi tujuan mendapatkan dua undang-undang iaitu Akta Rahsia Rasmi dan Perlembagaan Persekutuan. Instrumen undang-undang antarabangsa pula diperoleh melalui carian di laman sesawang rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Penilaian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku dan artikel juga turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran jelas tentang penulisan ini. Ia dijadikan asas hujah tentang kepentingan kebebasan mendapatkan maklumat dan hubung kait dengan Maqasid Syariah. Hubungan diantara undang-undang sedia ada yang diamalkan dan konsep Maqasid Syariah ini menjadi asas dalam penilaian ini.

Kriteria pemilihan sumber sekunder adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang telah termaktub di dalam UNDHR dan UNCAC iaitu ketelusan, integriti dan anti-rasuah. Dimensi dan kerangka kajian juga meliputi perlindungan harta dan kepentingan umum dari sudut pandang Maqasid Syariah serta kaitannya dengan kebebasan mendapatkan maklumat. Secara umumnya, ruang lingkup konsep Maqasid Syariah yang luas menjadikan dimensi metodologi dalam kajian ini memerlukan literatur yang tidak hanya terhad kepada sumber yang spesifik. Maka dari segi parameternya, had masa dan tempoh rujukan yang digunakan tidak dapat tidak, memerlukan beberapa artikel dari tahun-tahun terkemudian. Ini kerana terdapat kelompangan yang ketara dalam kajian yang khusus mengaitkan kebebasan mendapatkan maklumat dan Maqasid Syariah. Namun begitu, literatur terkini (2020-2026) tetap menjadi rujukan utama dalam penulisan.

## 4. Instrumen Undang - Undang Antarabangsa

Terdapat dua instrumen undang-undang antarabangsa yang sangat jelas mempromosikan kebebasan mendapatkan maklumat. Instrumen yang dimaksudkan adalah UNDHR dan juga UNCAC. UDHR dan UNCAC secara prinsipnya menganjurkan negara-negara untuk memperkenalkan kebebasan mendapatkan maklumat sebagai satu bentuk undang-undang. Perbezaannya ialah UDHR lebih tertumpu kepada pengiktirafan kebebasan mendapatkan maklumat sebagai salah satu hak asasi manusia dan sebagai salah satu nilai demokrasi, manakala UNCAC lebih menumpukan kepada aspek tadbir urus yang baik oleh sesebuah kerajaan.

Kebebasan untuk mencari dan menyampaikan maklumat dikaitkan dengan kewajipan kerajaan untuk mendedahkan maklumat rasmi kepada awam, seperti yang dinyatakan secara jelas di bawah Artikel 19 UDHR iaitu setiap orang berhak kepada kebebasan berfikir dan bersuara, termasuk kebebasan untuk memegang pendapat tanpa campur tangan dan kebebasan untuk mencari, menerima, dan menyebarkan idea merentasi sempadan serta melalui apa jua media. Definisi ini secara khusus mengiktiraf kebebasan mendapatkan maklumat sebagai satu bentuk hak yang perlu dilindungi dan dihormati.

UNCAC pula secara terperinci menggalakkan negara -negara untuk memperkenalkan undang-undang mendapatkan maklumat. Selain daripada kawalan kewangan, kerajaan perlu mendedahkan maklumat berkaitan proses tender kerajaan, kriteria pemilihan, peraturan yang diguna pakai, proses rayuan dan juga bagaimana sesuatu keputusan itu dibuat. Objektifnya adalah untuk mempromosikan

ketelusan, kebertanggungjawaban, dan integriti dalam sektor awam, di samping memastikan pegawai awam bertindak demi kepentingan awam dan bukannya untuk kepentingan peribadi. Proses dan prosedur ini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang mapan serta meningkatkan kepercayaan awam terhadap institusi kerajaan melalui pelaksanaan langkah-langkah pencegahan rasuah yang berkesan.

## 5. Semak dan Imbang

Demokrasi yang matang memerlukan semakan dan imbangan yang berkesan. Semak dan imbang tak seharusnya terbatas melalui institusi - institusi negara tetapi ianya perlu melebar kepada penglibatan masyarakat dalam keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Pelaksanaan dasar dan undang-undang ketelusan membolehkan penyertaan masyarakat dalam menyemak keputusan kerajaan serta meningkatkan kecekapan mekanisme semak dan imbang. Produktiviti dan kebertanggungjawaban akan dicapai secara signifikan apabila data dan dokumen kerajaan didedahkan.

Ketelusan dan amalan kebebasan mendapatkan maklumat mungkin menjadi hak penting pada masa hadapan samaada dari perspektif demokrasi mahupun pentadbiran. Perkara ini menjadi bahan perbincangan dan pelbagai pihak seperti Transparency International (TI), Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), tokoh-tokoh politik, dan peguam. Mereka menyeru kerajaan untuk melaksanakan dan memperkenalkan kebebasan mendapatkan maklumat sebagai sebahagian daripada ekosistem perundangan Malaysia.

Kebanyakan jenayah dilakukan secara rahsia, dan atas dasar itu, rasuah bukanlah suatu pengecualian. Kebebasan mendapatkan maklumat merupakan alat penting untuk mendedahkan sebarang salah laku yang dilakukan oleh pegawai awam. Dengan melaksanakan undang-undang kebebasan mendapatkan maklumat, pegawai awam akan menjadi lebih teliti, bertanggungjawab, dan telus berhubung sebarang keputusan yang bakal dan telah dibuat atas kapasiti rasmi mereka. Maklumat rasmi berkaitan tender, perolehan, kontrak, dan perbelanjaan dana awam boleh diakses oleh orang awam. Justeru, ia boleh menjadi mekanisme semak dan imbang untuk memastikan keputusan tersebut bagi tujuan kepentingan awam.

Sifat kebebasan mendapatkan maklumat yang membenarkan akses kepada dokumen rasmi boleh berfungsi sebagai penglibatan tidak langsung oleh orang awam untuk mengesan serta melaporkan sebarang aktiviti rasuah kepada pihak berkuasa. Tambahan pula, orang awam boleh mengenakan tekanan ke atas kerajaan, seperti pihak berkuasa atau Pendakwa Raya, untuk mengambil tindakan yang sewajarnya atau meletakkan persoalan terhadap keputusan yang dibuat oleh mereka.

Selain daripada itu, undang-undang dan peraturan yang menggalakkan kerahsiaan dan sekatan maklumat dalam pentadbiran awam perlu dirombak dan diteliti semula. Sekatan maklumat yang keterlaluan menyebabkan ianya boleh disalahguna untuk merahsiakan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Pembaharuan ini adalah perlu bagi memastikan undang-undang hak mendapatkan maklumat lebih berkesan dan mengatasi undang-undang lain yang bercanggah dengan perundangan kebebasan mendapatkan maklumat.

## 6. Mekanisme Anti - Rasuah

Rasuah sering kali bertapak dalam masyarakat dan berterusan disebabkan oleh norma, nilai, dan amalan budaya yang kukuh dan tertanam. Bagi menangani punca utama dan bukannya sekadar gejala luaran, perubahan besar dalam paradigma budaya adalah diperlukan. Rasuah sesekali dilihat sebagai kemudaratan yang tidak dapat dielakkan atau cara yang diterima untuk menjalankan perniagaan

dalam pelbagai iklim politik, sosial, dan ekonomi [23]. Dalam sesetengah persekitaran budaya, seperti yang terdapat dalam pelbagai masyarakat, amalan memberi hadiah dengan tujuan mempercepatkan proses atau meraih kelebihan tidak dianggap sebagai rasuah, sebaliknya dianggap sebagai pameran niat baik yang lumrah. Kesannya, walaupun amalan ini pada asalnya berniat baik, boleh berkembang menjadi tabiat sistemik dan berfungsi sebagai pintu masuk kepada bentuk rasuah yang lebih serius. Apabila institusi awam mengguna pakai dan mengintegrasikan sepenuhnya prinsip ketelusan serta keterbukaan dalam operasi mereka, khususnya dengan menerapkan konsep kebebasan mendapatkan maklumat ke dalam sistem perundangan, persepsi terhadap amalan ini juga boleh berubah. Ini boleh membawa kepada penurunan berlakunya tingkah laku sedemikian kerana keputusan yang dibuat oleh pegawai awam terdedah kepada penelitian dan perbahasan awam.

Kebebasan mendapatkan maklumat telah berkembang menjadi sebahagian daripada hak asasi manusia. Terdapat tiga sebab penting iaitu untuk meningkatkan penyertaan awam dalam pembuatan keputusan kerajaan, memperkukuhkan institusi sistem demokratik dan untuk membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, dalam masyarakat demokratik, ahli masyarakat mempunyai hak untuk mengetahui tingkah laku dan keputusan kerajaan. Penyertaan aktif ahli masyarakat merupakan amalan ideal bagi proses demokratik. Membenarkan ahli masyarakat sama ada melalui akses kepada maklumat atau melalui obligasi kerajaan untuk menerbitkan maklumat akan bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang untuk mencegah rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Hubungan antara kebebasan mendapatkan maklumat dan usaha anti-rasuah adalah untuk membolehkan masyarakat menyedari tindakan yang diambil oleh kerajaan dari segi pengagihan dan penggunaan sumber awam. Oleh itu, adalah penting untuk diakui bahawa maklumat merupakan alat utama untuk menjamin kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan dana awam iaitu dengan cara membenarkan maklumat sedemikian diketahui oleh orang awam. Perdebatan dan kritikan awam terhadap perbelanjaan kerajaan akan memberikan kesan positif terhadap pengurusan dana awam seterusnya mengurangkan risiko rasuah dan penyelewengan.

Kebebasan mendapatkan maklumat akan dapat meningkatkan ketelusan sesebuah pentadbiran. Dalam keadaan ini, ketelusan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan melawan rasuah. Keterlibatan masyarakat dalam proses membuat keputusan oleh kerajaan akan memberikan kesan yang positif kepada kualiti dan keputusan yang dibuat. Implementasi undang - undang kebebasan mendapatkan maklumat adalah penting dalam mengawal setiap keputusan yang dibuat supaya tidak lari dari matlamat asal. Kesannya, penjawat awam akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan kerana mengetahui bahawa setiap keputusan yang dibuat boleh diakses oleh masyarakat awam dan tertakluk kepada perdebatan awam.

Penggunaan mekanisme kebebasan mendapatkan maklumat berupaya untuk mengesan isu-isu sistemik yang mungkin membawa kepada amalan rasuah [29]. Keadaan ini membolehkan pelaksanaan perubahan yang secara khusus dalam menangani punca utama di sebalik rasuah. Permintaan maklumat yang dibuat oleh orang awam boleh mendedahkan corak tingkah laku atau prosedur membuat keputusan berulang yang berkemungkinan menandakan wujud masalah sistemik. Sebagai contoh, apabila permintaan berturut-turut mendedahkan kejadian konsisten di mana kontrak diberikan kepada individu atau syarikat tertentu tanpa mengikut prosedur bidaan yang betul, ia membayangkan wujudnya masalah sistemik berkaitan kecenderungan menyebelahi atau kemungkinan berlakunya aktiviti rasuah.

## 7. Tatakelola dan Tadbir Urus

Apabila penjawat awam menjangkakan tekanan, penelitian, dan penilaian terhadap keputusan mereka, mereka lebih berhati-hati dalam membuat keputusan dengan memastikan keputusan yang

dibuat adalah berdasarkan fakta, bukti dan pemikiran yang rasional. Oleh itu, ia memupuk amalan agar keputusan yang dibuat benar-benar mengutamakan kesejahteraan dan kepentingan orang awam. Hujah ini berasaskan prinsip teras tatakelola demokratik, yang melibatkan tanggungjawab kerajaan untuk bertanggungjawab kepada rakyatnya [9].

Apabila tindakan kerajaan tertakluk kepada penelitian awam yang mendalam, menjadi satu kebiasaan bagi pelbagai pihak, seperti pakar, ahli akademik, badan bukan kerajaan dan masyarakat awam untuk menyuarakan pandangan atau perspektif mereka. Hal ini dapat membantu kerajaan menambah baik dasar-dasar mereka, mengamalkan amalan terbaik, dan memastikan bahawa keputusan yang dibuat adalah telus dan cekap demi kepentingan awam.

Meskipun kerajaan telah menjalankan proses pentadbiran yang cekap, kesilapan pengurusan masih boleh berlaku. Penelitian daripada orang awam adalah penting untuk mengenal pasti dan membetulkan kesilapan dalam membuat keputusan dengan segera. Sebarang kesilapan dapat diperbetulkan sebelum ianya boleh menyebabkan kerosakan yang lebih serius terhadap reputasi kerajaan dan kerugian dana awam.

Berdasarkan amalan dan tindakan yang dibuat oleh kerajaan, konsep kebebasan mendapatkan maklumat secara tidak langsung telah diterapkan. Contoh jelas ialah pendedahan Laporan Audit Negara. Laporan ini secara langsung menerangkan status kewangan dan pengurusan beberapa institusi awam. Laporan yang berkaitan adalah seperti mana berikut; -

i. Laporan Ketua Audit Negara 2022: Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (Siri 1) diterbitkan pada 22 November 2023

ii. Laporan Ketua Audit Negara 2022: Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (Siri 2) diterbitkan pada 22 November 2023

iii. Laporan Ketua Audit Negara 2022 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Kepatuhan Agensi Negeri Pahang Bagi Tahun 2022 diterbitkan pada 10 Oktober 2023.

iv. Laporan Ketua Audit Negara 2022: Pengauditan Khas Pengurusan Hutan dan Kesan Terhadap Alam Sekitar diterbitkan pada 22 November 2023.

v. Laporan Ketua Audit Negara 2022: Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan diterbitkan pada 22 November 2023

Pendedahan Laporan Audit Negara ini telah membawa kepada perdebatan awam di media arus perdana dan juga media sosial. Perdebatan ini memberikan tekanan kepada pihak kerajaan untuk bertindak untuk memulihkan kedudukan kewangan institusi terbabit atau menjalankan siasatan yang lebih terperinci. Dapatan audit ini juga dijadikan asas bagi badan-badan penguatkuasaan untuk menjalankan siasatan sekiranya wujud elemen-elemen jenayah.

Jejak wang merupakan elemen penting dalam siasatan jenayah kewangan. Bagi membuktikan kewujudan rasuah, adalah perlu untuk mengenal pasti asal usul dana, lokasi penyimpanan, sumber, dan perbelanjaannya [18]. Kebiasaannya, isu-isu ini boleh diselesaikan oleh pihak berkuasa yang berkaitan melalui siasatan untuk mengumpul bukti berbentuk dokumen. Secara praktiknya, siasatan jejak wang dijalankan dengan kerjasama institusi kewangan untuk mengesan sebarang jenis transaksi yang mencurigakan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, siasatan boleh dimulakan oleh pihak berkuasa berdasarkan maklumat yang diterima melalui domain awam. Sumber domain awam

adalah amat penting kerana ia memudahkan pendedahan potensi salah laku yang mungkin akan terus tersembunyi.

Pendedahan salah laku oleh media dan orang awam akan mempercepat dan memudahkan proses siasatan. Sebagai contoh, orang awam, yang terdiri daripada sama ada individu persendirian mahupun badan-badan bukan kerajaan, juga boleh memainkan peranan penting dalam membongkar salah laku rasuah. Kaedah-kaedah ini termasuk menggunakan platform media sosial, menganjurkan demonstrasi awam, atau terlibat dalam aktiviti pendedahan maklumat. Pengaruh tekanan awam merupakan daya yang kuat dalam menjamin keseriusan dan keberkesanan siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

**8. Akauntabiliti dan Amanah**

Terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada rasuah dalam sektor awam, iaitu kekurangan kawalan dalaman, kekurangan kebertanggungjawaban, dan penyalahgunaan kuasa budi bicara. Pertama, berkaitan kebertanggungjawaban, tahap kebertanggungjawaban yang rendah menyumbang kepada risiko rasuah yang lebih tinggi. Kedua, situasi yang sama melibatkan kawalan dalaman, di mana kekurangan kawalan dalaman meningkatkan risiko rasuah. Ketiga, apabila kuasa budi bicara digunakan, kekurangan kawalan boleh meningkatkan risiko rasuah.

Sungguhpun begitu, kawalan undang-undang merupakan aspek penting untuk mengurangkan risiko rasuah dengan mempunyai instrumen perundangan yang betul serta memperkasakan penyertaan institusi dan masyarakat sivil [11]. Oleh itu, kerangka perundangan kebebasan mendapatkan maklumat yang komprehensif dan kukuh adalah diperlukan untuk mengurangkan risiko rasuah secara signifikan. Ini kerana perlindungan undang - undang berkaitan pendedahan maklumat rasmi milik kerajaan adalah amat penting bagi membentuk ekosistem pentadbiran yang lebih telus dan beramanah.

Kebebasan mendapatkan maklumat merangkumi kebebasan aliran maklumat, proses, dan keupayaan untuk mengawal maklumat tersebut. Adalah dihujahkan bahawa kebebasan mendapatkan maklumat merupakan satu bidang di bawah skop undang-undang awam yang lebih luas. Kebebasan mendapatkan maklumat dan undang-undang anti-rasuah kedua-duanya berada di bawah undang-undang awam. Kaitan antara kebebasan mendapatkan maklumat dan amanah adalah dari segi keputusan yang dibuat kerajaan boleh dipantau oleh masyarakat dalam memastikan keputusan yang itu bertujuan menjaga kepentingan awam. Oleh itu, adalah penting untuk diakui bahawa maklumat merupakan alat utama untuk menjamin akauntabiliti dan amanah dengan membenarkan maklumat sedemikian diketahui oleh orang awam. Cadangan ini berteraskan pengurangan risiko rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam persekitaran institusi awam.

Institusi awam perlu menyesuaikan dasar terbuka dalam pentadbiran dan proses membuat keputusan terutama yang melibatkan dana dan kepentingan awam. Budaya amanah, ketelusan dan rasa bertanggungjawab sepatutnya menjadi amalan kerja dalam institusi pentadbiran. Perlu ditekankan bahawa keterbukaan dalam proses kerajaan mesti diberi keutamaan berbanding pendedahan maklumat yang dirahsiakan, melainkan jika sekatan terhadap pendedahan tersebut berdasarkan alasan keselamatan yang sah. Semua peringkat kakitangan pentadbiran perlu memahami dasar keterbukaan dan ketelusan dalam proses pentadbiran. Dasar ini perlu menjadi garis panduan bagi pegawai kerajaan apabila berurusan dengan dokumen rasmi.

**9. Maqasid Syariah**

Perbincangan tentang tadbir urus dalam politik kontemporari, khususnya dalam negara-negara Islam, sentiasa dipelopori oleh pemikir-pemikir yang meletakkan tema Maqasid Syariah sebagai salah

satu asas utama. Kepentingan menjaga kepentingan umum bagi setiap undang-undang dan dasar dalam pemerintahan merupakan matlamat utama. Di sini maksud Maqasid yang dinyatakan oleh Jaaser Auda [6], secara istilahnya bermaksud satu tujuan, objektif, niat yang dituntut dan satu matlamat akhir. Maka istilah Maqasid Syariah ini merujuk kepada undang-undang Islam, iaitu objektif, tujuan, niat, matlamat dan prinsip di sebalik undang-undang Islam. Menurut beliau (2014:4);

Maqasid adalah himpunan tujuan-tujuan ketuhanan dan konsep-konsep moral yang mendasari undang-undang Islam, seperti keadilan, kemuliaan insan, kebebasan memilih, kemurahan hati, kesucian serta kemudahan kepada manusia dan masyarakat yang saling bekerjasama. Oleh itu, semua tujuan dan konsep ini mewakili hubungan antara undang-undang Islam dan gagasan-gagasan semasa seperti hak-hak asasi manusia, pembangunan dan keadilan sosial.

Maka dari sini, dapat kita tafsirkan bahawa kebebasan mendapatkan maklumat ini sememangnya terangkum dalam kerangka Maqasid Syariah. Ini kerana adalah jelas syariah itu sendiri adalah sentiasa menganjurkan kesejahteraan insan dan mengelakkan daripada berlakunya kerosakan di muka bumi. Justeru, hak untuk mendapatkan maklumat secara bebas bukan hanya hak individu ataupun peribadi seseorang, malah ia menjadi instrumen penting untuk menjaga peradaban, intelektual dan juga tadbir urus dalam sesebuah pemerintahan. Ia mempunyai kaitan yang terikat dengan kebebasan bersuara di mana kebebasan mendapatkan maklumat ini merupakan pra syaratnya. Setiap individu tidak dapat melaksanakan hak untuk bersuara dan memberikan pandangan untuk kebaikan masyarakat tanpa hak untuk menerima dan memperoleh maklumat yang benar. Oleh itu, kebebasan mendapatkan maklumat merupakan konsep klasik bagi akauntabiliti sosial (hisbah) dan juga konsultasi (shura) [19].

Dalam konteks ini, kebebasan mendapatkan maklumat bukan sekadar satu konstruksi dalam politik Barat ataupun yang sering diungkapkan dari segi undang-undang sekular. Tetapi ia terkandung dalam Islam melalui Maqasid Syariah yang jelas bagaimana tadbir urus kontemporari, kebebasan media dan ketelusan dalam memperolehi maklumat merupakan asas bagi mencapai kesejahteraan awam. Sekiranya pemerintah tidak telus dan menyembunyikan maklumat kepada umum, ia tidak mencapai objektif sebenar dalam menjamin hak asasi manusia yang universal, apatah lagi dalam melaungkan agenda pendemokrasian.

Isu-isu yang berkisar tentang salah guna kuasa juga sering melibatkan pemilikan harta dan penyalahgunaan hasil mahsul rakyat dan negara. Maka penekanan yang diberikan adalah kemaslahatan dalam memelihara harta bagi mengelakkan transaksi yang berlaku secara haram. Justeru, ia adalah satu konsep yang jelas dalam Maqasid Syariah ini dengan kebebasan maklumat yang memberikan kesan ke arah ketenteraman masyarakat apabila setiap transaksi harta mahupun kewangan berlaku dengan telus tanpa sebarang unsur penyelewengan dan ketidakjelasan.

Peruntukan dan amalan yang dilaksanakan oleh pemerintah seperti yang dibincangkan di atas selari dengan Maqasid Syariah sekiranya dilihat dari sudut matlamat kesejahteraan rakyat. Ia tidak hanya melibatkan hubungan antara pemerintah dengan rakyat secara umum, tetapi juga bagaimana urusan berkaitan dengan tatakelola korporat, ketelusan ekonomi dan pengurusan pengagihan ekonomi negara. Manakala dari sudut rakyat, ruang kebebasan ini perlu dimanfaatkan bagi menjamin Maqasid Syariah ini subur, serta turut berperanan dalam memastikan kebebasan maklumat ini tidak disalahgunakan. Perhatian juga perlu diberikan sebagai penyemak dan pengimbang dalam menyatakan kebenaran dengan memperkasakan kebebasan bersuara.

## 10. Kesimpulan

Pada dasarnya, kebebasan mendapatkan maklumat dapat menjadi alat untuk memerangi gejala rasuah dan salah guna kuasa. Pada masa yang sama, peranannya juga tidak lari daripada mengukuhkan nilai-nilai demokrasi yang memberi ruang kepada masyarakat awam untuk terlibat secara langsung dalam keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Pada masa yang sama, rakyat merupakan pemantau dalam memastikan kebertanggungjawaban pemerintah. Kesannya, masyarakat akan lebih yakin terhadap pengurusan institusi-institusi awam dan tadbir urus kerajaan. Seiring dengan perkembangan dan kesedaran politik yang semakin meningkat di kalangan rakyat, keterlibatan mereka dalam tindakan dan keputusan yang dibuat oleh kerajaan dapat mengurangkan risiko rasuah di sesebuah institusi awam. Ia secara tidak langsung dapat memastikan dana awam diurus dengan sebaik mungkin.

Menjaga amanah adalah salah satu intipati yang penting dalam melaksana urusan pemerintahan. Amanah bukan hanya melibatkan urusan kewangan tetapi juga melibatkan bagaimana proses dan pengurusan sesebuah kerajaan itu dilaksanakan. Keputusan yang dibuat kerajaan sewajarnya diketahui dan melibatkan masyarakat sekiranya keputusan yang itu melibatkan kepentingan mereka. Dalam sesebuah negara demokrasi, yang mana pemimpin itu dipilih rakyat melalui proses demokrasi, kuasa itu adalah satu amanah dan maklumat rasmi yang dimiliki oleh kerajaan secara teknikal adalah milik rakyat.

Sebagai sebuah negara yang majoritinya beragama Islam, Maqasid Syariah bukan sekadar tema tetapi juga penghayatan bagaimana ia menjadi teras dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Nilai-nilai amanah dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan harta milik awam . Harta awam perlulah diuruskan dengan baik dan digunakan untuk kebaikan awam bagi mencapai matlamat dan objektifnya seperti yang dirancang. Ini bermakna mekanisme kawalan perlulah dilaksanakan bagi mengelakkan harta awam disalahgunakan bagi tujuan yang tidak wajar dan di sinilah neraca yang ditetapkan oleh Maqasid Syariah bagaimana ketelusan dalam memastikan hak-hak rakyat terpelihara. Kebebasan mendapatkan maklumat ialah salah satu mekanisme yang boleh dilaksanakan bagi mencapai objektif tersebut. Pada masa yang sama ianya menjadi satu peringatan kepada mereka yang memegang amanah supaya lebih berhati-hati dalam membuat keputusan yang melibatkan pengurusan dan perbelanjaan dana awam.

**Penghargaan**
Penulisan dan kajian ini tidak ditaja.

## Rujukan

[1] Ab Rahman, Azman, Md Yunus Ab Aziz, and Anis Nabilah. "Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran dan Hadith:[The Issue of Corruption: A Study on the Elements of Integrity According to the Perspective of the Quran and Hadith]." *Ulum Islamiyyah* 35, no. 02 (2023): 86-94. https://doi.org/10.33102/uij.vol35no02.555.

[2] Ab Rahman, Azman, Nur Wahida Lokman, Lutfi Mohamed Zain, Syed Mohd Najib Syed Omar, and Setiyawan Gunardi. "An Approach In Dealing With Corruption According To Maqasid Syariah: Pendekatan Menangani Rasuah Menurut Maqasid Syariah." *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 26, no. 2 (2022): 11-23.

[3] Saleh, Zakiah. "Enhancing Malaysian public sector transparency and accountability: Lessons and issues." *European Journal of Economics Finance and Administrative Sciences* (2011).

[4] Agu, J. C., F. N. Nkwo, and Rosemary Uche Eneiga. "Governance and anti-corruption measures in Nigeria: Strategies for enhancing transparency, accountability and public trust." *International Journal of Economics and Public Policy* 8, no. 1 (2024): 1-15. https://doi.org/10.5281/zenodo.12576796.

[5] Alkan, Yavuz Selim. "Representative Democracy and the Concept of Representation: Do They Have a Legitimizing or Checking Function?." *Stratejik ve Sosyal Araştırmalar Dergisi* 5, no. 3 (2021): 441-453. https://doi.org/10.30520/tjsas.972370.
[6] Auda, Jaseer. 2014. *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Syariah dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. PTS Islamika Sdn. Bhd.
[7] Bain, William W. "National Security, Human Security, and the Practise of Statecraft in International Society." In *The Conference on Global Governance and Failed States*. 2000.
[8] Berliner, Daniel. "Institutionalizing Transparency: The Global Spread of Freedom of Information in Law and Practice." PhD diss., 2013. http://hdl.handle.net/1773/23512.
[9] Bourgon, Jocelyne. "Responsive, responsible and respected government: towards a New Public Administration theory." *International review of administrative sciences* 73, no. 1 (2007): 7-26.https://doi.org/10.1177/0020852307075686.
[10] Brems, Eva. *Human rights: Universality and diversity*. Brill, 2021. https://doi.org/10.1163/9789004481954.
[11] Dokeniya, Anupama. "Implementing right to information." *Prem Notes* 5 (2013).
[12] Hardin, R. 1998. "Trust in Government." In *Trust and Governance*, edited by V. Braithwaite and M. Levi. Russell Sage Foundation.
[13] Herzfeld, Thomas, and Christoph Weiss. "Corruption and legal (in) effectiveness: an empirical investigation." *European Journal of Political Economy* 19, no. 3 (2003): 621-632. https://doi.org/10.1016/S0176-2680(03)00018-1.
[14] Ikhsan, Muhammad. "A Multi-Jurisidctional Comparison of the Concept of'Information'and'Public Bodies' in Freedom of Information Statutes." *Available at SSRN 2905510* (2017). https://ssrn.com/abstract=2905510.
[15] Ikhsan, Muhammad Izwan, and Lenny James Matah. "Enacting freedom of Information Act in Malaysia: A cost-benefit analysis." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 2 (2022): e001297-e001297. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1297.
[16] Ikhsan, Muhammad Izwan, Ku Mohd Amir Aizat Ku Yusof, Saslina Kamaruddin, and Lenny James Matah. "From Literalism to Liberalism: Judicial Interpretation of Freedom of Information in Malaysia." *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 17, no. 1 (2025): 152-165. https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.1.10.2025.
[17] Jones, David Seth. "Challenges in combating corruption in Malaysia: issues of leadership, culture and money politics." *Public Administration and Policy* 25, no. 2 (2022): 136-149. https://doi.org/10.1108/PAP-01-2022-0002.
[18] Joyce, Richard. "The nexus between money laundering and corruption." *Anti-Corruption Studies and Research* 1, no. 1 (2026): 120-139. https://doi.org/10.71559/ACSAR.1.1.2026.37.
[19] Kamali, M. H. 1997. *Freedom of Expression in Islam*. Islamic Text Society.
[20] Lambsdorff, Johann Graf. "How corruption affects persistent capital flows." *Economics of Governance* 4, no. 3 (2003): 229-243. https://doi.org/10.1007/s10101-002-0056-5.
[21] Liambomba, Didier Yangonzela. "The right of access to public information: Human rights issues, transparency and good governance." *Constitutionale* 4, no. 1 (2023): 1-28. https://doi.org/10.25041/constitutionale.v4i1.2601.
[22] Lor, Peter Johan, and Johannes Jacobus Britz. "Is a knowledge society possible without freedom of access to information?." *Journal of information science* 33, no. 4 (2007): 387-397. https://doi.org/10.1177/0165551506075327.
[23] Madsen, Frank G. "Corruption: A global common evil." *The RUSI Journal* 158, no. 2 (2013): 26-38. https://doi.org/10.1080/03071847.2013.787728.
[24] Mo, Pak Hung. "Corruption and economic growth." *Journal of comparative economics* 29, no. 1 (2001): 66-79. https://doi.org/10.1006/jcec.2000.1703.
[25] Najib, Ainun, Umar Umar, Abim Bhakti, Prika Fatikasari, and Aminah Nur Kauthar Binti Zawawi. "Regulation on freedom of expression on social media in Indonesia and Malaysia." *Journal of Indonesian Constitutional Law* 1, no. 1 (2024): 46-60.
[26] Organisation for Economic Co-operation and Development. *Open government: The global context and the way forward*. OECD Publishing, 2016. https://doi.org/10.1787/9789264268104-en.
[27] *Official Secret Act 1972* (Act 88) (Malaysia)
[28] *Perlembagaan Persekutuan Malaysia*
[29] Ponti, Benedetto, Agustí Cerrillo-i-Martínez, and Fabrizio Di Mascio. "Transparency, digitalization and corruption." In *Understanding and fighting corruption in Europe: From repression to prevention*, pp. 97-126. Cham: Springer International Publishing, 2022. https://doi.org/10.1007/978-3-030-90939-0_5.
[30] Rudiyansah, M. M. D. H., and M. G. F. Rezki. 2025. "The Impact of Corruption on Economic Development and Community Welfare from Local and National Perspectives." *Abdurrauf Social Science* 2 (2): 136–55. https://doi.org/10.70742/arsos.v2i2.349.

[31] Stewart, D. 2015. "Assessing Access to Information in Australia: The Impact of Freedom of Information Laws on the Scrutiny and Operation of the Commonwealth Government." In *New Accountabilities, New Challenges*, 79–158.
[32] United Nations Convention against Corruption
[33] Universal Declaration of Human Rights
[34] Worthy, B. 2017. *The Politics of Freedom of Information: How and Why Governments Pass Laws That Threaten Their Power*. Manchester University Press.